

Syarikat Malaysia tandatangani perjanjian dengan industri gergasi

Daripada ZAINI HASSAN

BOSTON 5 Mei - Industri bioteknologi di Malaysia menunjukkan kebangkitan yang hebat apabila pelabur-pelabur negara itu bertumpu di bandar raya keserjanaan Harvard dan Massachusetts ini untuk menandatangani kira-kira sedozen perjanjian persefahaman dengan syarikat-syarikat besar dunia dalam bidang tersebut.

Perjanjian MoU itu yang bakal disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan ditandatangani 12 syarikat Malaysia sempena Konvensyen Antarabangsa Bio di sini, Isnin ini. Najib tiba hari ini untuk menghadiri konvensyen itu sehingga Selasa.

Signifikannya MoU-MoU itu, ia adalah yang pertama kali ditandatangani membabitkan syarikat Malaysia sejak negara mula aktif menyertai konvensyen bioteknologi di Amerika Syarikat (AS) sejak 2004.

Pada masa ini Malaysia mempunyai kira-kira 120 syarikat yang terlibat dalam industri yang berkembang pesat ini.

"Industri bio negara membabitkan penyelidikan berkaitan kesihatan, pertanian, industri dan alam sekitar sudah mula mendapat perhatian rakyat Malaysia sejak ia diberi galakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis kepada wartawan Malaysia, di sini hari ini.

um- 6/5/2007
Menurutnya, semasa Malaysia mula menyertai konvensyen ini di San Francisco pada 2004, kehadiran pempamer negara hampir tidak dipedulikan, namun semasa penyertaan di Chicago tahun lalu, lebih 3,000 pengunjung mengunjungi bilik pameran agensi dan syarikat-syarikat negara.

Pada konvensyen kali ini, sebanyak 14 pempamer akan mengambil bahagian dengan peserta negara lebih 300 orang.

"Apa yang menggembirakan saya, ramai peserta kali ini terdiri daripada muka-muka baru dalam bidang ini," katanya.

Ditanya pemberita apakah 12 MoU yang akan ditandatangani itu bakal direalisasikan, Jamaludin berkata: "Saya akan pastikan perjanjian-perjanjian itu menjadi kenyataan."

Beliau optimis, syarikat-syarikat berkeajaan akan meneruskan usaha sama itu berdasarkan pelbagai insentif, termasuk modal teroka yang disediakan kerajaan kepada mereka.

Dua buah agensi kerajaan iaitu Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan Malaysia Debt Venture (MDV) adalah dua buah agensi modal teroka kerajaan yang menyediakan peruntukan masing-masing sebanyak RM150 juta dan RM1.5 bilion dalam pembiayaan bidang ini.

Antara syarikat dan agensi yang akan menandatangani MoU itu ialah: Biotech Corp dengan MEMG, Biotech Corp dengan Avesthagen, Inno Biologics dengan Avesthagen, GenoMalaysia dengan MGRC, BIO-

TEK dengan MIT (mengenai bioplastik), Ist Global Biotech dengan Biozyme, Biotechnology, Biocorp Kedah Resources dengan Korean Research Institute of Bio Science and Biotechnology, Felda dengan Twin Rivers Technologies (TRT).

Boston yang menempatkan pusat pengajian dan penyelidikan tersohor Universiti Harvard dan Massachusetts Institute of Technology (MIT) dikelilingi kira-kira 80 peratus syarikat-syarikat industri bioteknologi AS membabitkan pelaburan berjumlah kira-kira RM300 bilion.

Faedahnya kepada pelabur-pelabur Malaysia, menurut Jamaludin, para peserta yang datang ke konvensyen itu akan berpeluang melihat produk dan teknologi terkini dalam bidang ini.

Sementara itu, sepanjang berada di sini, Najib akan mengadakan beberapa pertemuan penting dengan tokoh-tokoh bioteknologi AS. Antaranya ialah Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Industri Bioteknologi (BIO), Jim Greenwood serta mengadakan pertemuan meja bulat dengan enam anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Bio pada Isnin ini.

Beliau juga akan membuka pavilion pameran Malaysia di Pusat Pameran dan Konvensyen Boston. Najib juga akan melawat sebuah kilang kimia yang mengadakan usaha sama dengan Felda.

Pada Selasa, Najib akan melawat Harvard Faculty Club untuk makan tengah hari dengan sekumpulan profesor universiti tersebut.